

07/02/1998

IKIM, Kesatuan Eropah anjur seminar Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama Kesatuan Eropah (EU) akan menganjurkan seminar bertajuk 'Islam, Malaysia dan Eropah', pada akhir Mac depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata seminar dua hari itu akan mengupas sejauh mana hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia, EU dan negara Islam membabitkan isu politik, ekonomi dan sosial.

"Seminar itu turut menilai kesan dasar EU terhadap negara Islam terutama Malaysia berikutan kejatuhan nilai ringgit sekarang," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Selain itu, Dr Ismail berkata, beberapa isu membabitkan kedudukan dan masa depan masyarakat Islam dalam komuniti Eropah turut dibentangkan.

Seminar berlangsung pada 24 dan 25 Mac di Dewan Besar Ikim, Lot 26647, Langgak Tunku Off Jalan Duta, dekat sini, membabitkan penyertaan tokoh politik, akademik, agama, kakitangan awam dan wakil badan bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia dan Eropah.

Satu sesi dialog bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed akan diadakan selepas majlis perasmian seminar.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi Sarina Othman dan Shamsul Kamal Mohd Amin di talian 03-6519741 atau 6510889.

(END)